

Headline	MERS CoV Jemaah haji tidak perlu bimbang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	4	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	364 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,260
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,780



MERS-CoV: Jemaah haji tidak perlu bimbang



MOHD. SHAH CHE AHMAD

Melaporkan dari
MEKAH, ARAB SAUDI

MEKAH 1 Julai - Jemaah haji tidak perlu bimbang terhadap jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-Cov) kerana jangkitan itu kini dilaporkan tidak lagi berlaku di kedua-dua kota suci Mekah dan Madinah, yang menjadi pusat tumpuan ibadah musim haji nanti.

Pengerusi Muassasah Asia Tenggara, Tan Sri Sheikh Zuhair Abdul Hamid berkata, jemaah yang akan mengerjakan haji tidak perlu risau dengan jangkitan wabak tersebut kerana pelbagai langkah kawalan telah dilakukan oleh kerajaan Arab Saudi.

"Kes terbaharu berkaitan MERS-Cov hanya dilaporkan berlaku Mei lalu di luar kawasan kedua-dua kota suci itu. Kementerian Kesihatan Arab Saudi sentiasa membuat pemantauan bagi mengawal penyebaran jangkitan virus tersebut.

"Apa yang penting jemaah tidak digalakkan melakukan aktiviti luar seperti melawat ladang unta atau kebun kurma semasa musim haji yang boleh menyebabkan terkena jangkitan tersebut," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan bersama-sama Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) bagi membincangkan

persiapan haji di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Ismee Ismail.

Sementara itu, Abdul Azeez berkata, pihaknya akan menubuhkan pusat kesihatan khas sebagai langkah disediakan sekiranya terdapat jemaah haji yang dijangkiti virus tersebut.

"Tabung Haji akan menempatkan pakar dalam penyakit tersebut serta 225 petugas kesihatan, terdiri daripada pakar dan doktor ditempatkan di tiga pusat kesihatan kendalian Tabung Haji iaitu dua di Mekah dan satu di Madinah.

"Selain itu, jemaah haji juga digalakkan supaya memakai penutup mulut dan hidung, selain pencegahan

awal iaitu mengambil suntikan vaksin yang ditetapkan sebelum berangkat ke Tanah Suci," katanya.

Sebanyak 22,329 jemaah haji Malaysia dijadualkan akan ke Tanah Suci pada tahun ini, bermula 27 Ogos sehingga 8 November.

Beliau berkata, bagi jemaah yang mengalami asma akan diberikan rawatan sewajarnya sebelum berlepas.

"Virus MERS-CoV dilihat mudah berjangkit kepada mereka yang menghidap asma terutama dalam keadaan cuaca yang agak panas iaitu melebihi 45 darjah Celsius.

"Sehubungan itu, jemaah haji dinasihatkan membawa ubat-ubat yang sesuai bagi mengelakkan daripada terkena sebarang jangkitan," katanya.



ABDUL Azeez Abdul Rahim (tiga dari kiri) dan Ismee Ismail (tiga dari kanan) ketika mengadakan perbincangan persiapan haji Malaysia bersama Sheikh Zuhair Abdul Hamid (dua dari kiri) di Mekah, Arab Saudi, semalam.